

MAIN ORGANISER:



OFFICIAL COLLABORATORS:



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
جامعة المعرفة والقيم
Garden of Knowledge and Virtue

IKULLIYAH
EDUCATION



THE INTERNATIONAL COMPETITION ON SUSTAINABLE EDUCATION



20TH AUGUST 2025

TRANSFORMING EDUCATION, DRIVING INNOVATION AND
ADVANCING LIFELONG LEARNING FOR EMPOWERED WORLD

SISTEM E-REKOD TASMİK RAUDZATI (E-RTR): MEMPERCEPATKAN PENGURUSAN DATA BACAAN AL-QURAN DAN MENJANA PELAKSANAAN PROGRAM INTERVENSI

Mohamad Fadzil Yahaya, Badrud-Din Hamid, Nor Afza Abdullah, Mohd Hanif Halim, Fatimah Sulaiman*

*Sekolah Kebangsaan Tunku Raudzah, Alor Setar, Kedah**

*fadzilyb@gmail.com**

ABSTRAK

Pendidikan Islam, khususnya bidang al-Quran, merupakan tunjang utama dalam pembentukan sahsiah dan rohani murid sekolah rendah. Keperluan untuk memastikan penguasaan bacaan al-Quran yang menyeluruh menuntut sistem pemantauan yang efisien, mudah diurus dan responsif terhadap keperluan murid. Namun, pelaksanaan perekodan manual sering kali berdepan isu seperti kehilangan data, ketidakseragaman capaian, kelewatan pelaporan serta kesukaran melaksanakan intervensi berasaskan data. Bagi mengatasi cabaran ini, inovasi e-Rekod Tasmik Raudzati (e-RTR) dibangunkan sebagai satu sistem digital yang berfungsi untuk memperkemas pengurusan data bacaan tasmik murid secara sistematik dan berpusat. Sistem e-RTR dibina menggunakan platform Google Sheets bagi membolehkan guru merekod bacaan al-Quran murid secara terus semasa sesi tasmik dijalankan. Maklumat penting seperti kehadiran, tahap bacaan, fokus murid dan kategori pencapaian dapat direkod dengan teratur. Sistem ini turut dilengkapi fungsi penapisan data yang membantu guru mengenal pasti kumpulan murid tertentu dengan lebih mudah, sekali gus memudahkan perancangan dan pelaksanaan intervensi secara lebih tepat dan berkesan. Selain itu, guru boleh mengakses data secara sendiri pada bila-bila masa, bekerjasama secara langsung dengan guru lain, dan semua maklumat disimpan dengan selamat melalui Google Drive. Inovasi ini telah memberi kesan positif terhadap profesionalisme guru, kelancaran pengurusan tasmik dan keberkesanan intervensi murid. Tanpa memerlukan kos pembangunan, e-RTR mudah diadaptasi di mana-mana sekolah rendah dan berpotensi besar sebagai model pengurusan digital tasmik yang efisien, mampan dan selari dengan arus transformasi pendidikan digital negara.

Kata Kunci: *Digital, e-Rekod, Kemenjadian murid, Tasmik*

PENGENALAN

Penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid sekolah rendah merupakan salah satu keutamaan dalam pendidikan Islam yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Dokumen

Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (KPM, 2015). Lebih khusus, dalam bidang al-Quran untuk Pendidikan Islam, KPM telah menetapkan bahawa setiap murid perlu menguasai bacaan al-Quran sekurang-kurangnya sebelum menamatkan alam persekolahan rendah (Shahrulanuar et. al., 2021).

Justeru, pelaksanaan aktiviti *tasmik* (mendengar dan menyemak) bacaan al-Quran perlu dilakukan secara berterusan dan disokong dengan satu sistem perekodan yang kemas, sistematik serta mudah diakses oleh guru (Mohd Izzuddin, Azmil, & Kamarulzaman, 2015). Perekodan yang berkesan bukan sahaja membantu dalam memantau perkembangan bacaan murid dari semasa ke semasa, malah turut berperanan sebagai asas utama dalam usaha memastikan kemenjadian murid dicapai secara menyeluruh. Melalui data yang lengkap dan tepat, guru dapat mengenal pasti tahap penguasaan murid dengan lebih terperinci serta merancang pengajaran dan intervensi yang bersesuaian (KPM, 2019).

Namun begitu, kejayaan usaha ini sangat bergantung kepada keberkesanan sistem perekodan yang digunakan di peringkat sekolah. Oleh itu, penambahbaikan terhadap kaedah perekodan sedia ada amat penting bagi memastikan pengurusan data bacaan murid dapat dilakukan dengan lebih cekap, menyeluruh dan berimpak tinggi.

PENYATAAN MASALAH

Walaupun KPM telah menyediakan Buku Rekod Tasmik Individu sebagai medium rasmi penyimpanan data bacaan murid, pelaksanaan sistem rekod di peringkat sekolah masih bergantung kepada inisiatif guru atau pentadbiran sekolah masing-masing. Hal ini mengakibatkan berlakunya pelbagai kekangan dari aspek pengurusan dan keberkesanan penggunaan data tersebut.

Dalam banyak keadaan, rekod yang disimpan hanyalah memenuhi keperluan pelaporan semata-mata dan tidak menyumbang secara langsung kepada pelaksanaan intervensi secara berfokus (Norliza, Fahimah, & Khadijah, 2013). Data yang direkod tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk menganalisis tahap pencapaian murid secara menyeluruh atau membantu guru mengenal pasti murid yang memerlukan bimbingan tambahan. Keadaan ini menyukarkan guru untuk merancang dan melaksanakan intervensi yang tepat pada masanya.

Berdasarkan pengalaman sebagai guru tasmik yang berkhidmat hampir 18 tahun, penyelidik bertanggungjawab menyelaraskan pelbagai aktiviti serta program berkaitan al-Quran di peringkat sekolah, termasuklah pengumpulan dan pengurusan data bacaan murid. Beberapa isu telah dikenal pasti sering timbul dan menghalang kelancaran proses pemantauan, antaranya ialah kehilangan fail rekod semasa dalam simpanan, maklumat yang sukar diperoleh oleh guru ganti, data yang tidak dikemaskini dengan tepat, serta kelewatan dalam proses analisis bacaan murid. Tambahan pula, ketiadaan satu sistem yang berpusat dan sistematik telah menyulitkan kerjasama antara guru dalam pelaksanaan intervensi yang berkesan.

Bagi mengatasi isu ini, sistem e-Rekod Tasmik Raudzati (e-RTR) telah dibangunkan secara bersepadu sebagai satu bentuk intervensi digital. Sistem ini direka bentuk untuk memperkemas proses merekod,

mengemaskini, menganalisis dan menyimpan data bacaan tasmik murid secara sistematik, berpusat dan mudah dicapai. Sistem ini juga bukan sahaja memudahkan guru dalam urusan perekodan dan pelaporan, malah membolehkan mereka membuat keputusan pedagogi yang lebih tepat berasaskan data yang sahih dan terkini. Dengan adanya sistem e-RTR ini, proses pelaksanaan intervensi dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, terarah dan berimpak tinggi terhadap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid.

OBJEKTIF

Inovasi sistem e-RTR dibangunkan berdasarkan objektif berikut:

- i. Menyediakan platform sistem perekodan digital yang sistematik, berpusat dan mudah diakses;
- ii. Meningkatkan ketepatan dan kebolehpercayaan data bacaan murid bagi tujuan pemantauan; dan
- iii. Membolehkan pelaksanaan intervensi secara lebih berfokus, cepat dan berimpak berdasarkan analisis data yang lebih sistematik dan terperinci.

CIRI-CIRI INOVASI

Inovasi sistem e-RTR dibangunkan sebagai sistem digital berasaskan platform Google Sheets secara dalam talian untuk menggantikan rekod tasmik manual yang lazim digunakan di peringkat sekolah. Inovasi ini menampilkan beberapa ciri utama yang menjadikannya sistem yang lebih sistematik, responsif dan selamat seperti:

Platform Digital Berpusat

Sistem e-RTR menggunakan Google Sheets sebagai medium utama, membolehkan semua data tasmik disimpan secara berpusat dan dapat diakses pada bila-bila masa melalui pelbagai peranti. Ia mengurangkan kebergantungan kepada buku rekod fizikal.

Pengemaskinian Data Secara Langsung dan Automatik

Sistem ini membolehkan guru merekod maklumat murid secara langsung semasa sesi tasmik berlangsung. Semua data yang dimasukkan akan dikemas kini secara automatik, dan hanya sedikit yang perlu proses salinan atau pemindahan manual pada setiap hujung bulan.

Struktur Data Komprehensif

Sistem e-RTR direka bentuk dengan medan input yang komprehensif meliputi pelbagai dimensi penting seperti maklumat asas murid, rekod bacaan, kategori bacaan, isu pembelajaran serta intervensi. Reka bentuk ini membolehkan guru mengumpul dan menganalisis maklumat secara menyeluruh.

Integrasi Fungsi Analisis dan Visualisasi

Ciri analitik terbina dalam membolehkan sistem menjana laporan secara automatik seperti carta, graf dan ringkasan pencapaian murid. Ini membantu guru dan pihak pentadbiran memahami tahap kemajuan murid dengan lebih jelas dan pantas.

Kebolehaksesan dan Kolaborasi Masa Nyata

Melalui Google Sheets, e-RTR menyokong kerjasama antara guru secara masa nyata, membolehkan lebih daripada seorang pengguna menyemak dan mengemaskini data secara serentak. Ini meningkatkan produktiviti dan keseragaman pelaksanaan program tasmik.

Keselamatan Data dan Kawalan Akses

Setiap fail e-RTR dilindungi dengan tetapan keselamatan Google Drive. Akses hanya diberikan kepada pengguna yang dibenarkan sahaja, sekaligus menjaga kerahsiaan maklumat murid.

Mesra Pengguna dan Fleksibel

Antara muka e-RTR disusun dalam bentuk jadual yang ringkas, mesra pengguna dan mudah untuk disesuaikan mengikut keperluan semasa sekolah atau individu guru.

Penapisan dan Penjejakan Murid Secara Pintar

Sistem e-RTR dilengkapi fungsi penapisan data mengikut kelas, tahap bacaan dan kategori pencapaian. Ini memudahkan guru untuk meneliti maklumat mengikut kumpulan murid yang spesifik. Selain itu, sistem turut mempunyai fungsi automatik untuk menyorot (*highlight*) murid kritikal yang memerlukan intervensi segera.

PELAKSANAAN INOVASI

Inovasi e-RTR dilaksanakan secara langsung dalam amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta pengurusan data bacaan al-Quran murid melalui platform digital Google Sheets. Sistem ini digunakan semasa sesi tasmik dijalankan, di mana guru akan merekod bacaan al-Quran murid secara langsung terus ke dalam Google Sheets tanpa memerlukan pencatatan manual seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Proses dan Peranan e-RTR.

Selain itu, maklumat yang direkodkan merangkumi pelbagai komponen penting, iaitu:

- i. **Maklumat asas murid:** nama, nombor kad pengenalan dan kelas;
- ii. **Rekod bacaan:** tahap bacaan seperti Iqra', Juzuk, atau Khatam; jumlah bilangan dan tarikh tasmik terakhir;
- iii. **Kategori bacaan:** seperti tegar, lemah, sederhana, menguasai, baik serta sistem turus;
- iv. **Pentaksiran isu dan masalah murid:** kehadiran, tahap kesungguhan, bimbingan luar sekolah dan fokus bacaan semasa sesi; dan
- v. **Program intervensi:** termasuk program Speed Khatam, pra al-Quran, pulih Iqra', dan tahsin al-Quran.

Melalui penggunaan e-RTR, guru dapat mengenal pasti murid yang memerlukan intervensi dengan lebih cepat dan berfokus. Sistem ini juga membolehkan guru mengakses semula maklumat murid pada bila-bila masa, tanpa perlu merujuk fail fizikal. Selain itu, sistem e-RTR membolehkan pentadbir dan guru penyelaras memantau data dengan lebih menyeluruh, sekali gus memudahkan pelaporan, analisis kemajuan murid, dan perancangan intervensi. Penggunaan Google Sheets sebagai platform utama bukan sahaja membolehkan akses sendiri dan kolaboratif antara guru, malah memastikan data disimpan dengan selamat menggunakan ciri keselamatan Google (Navarasan & Sundararajan, 2024). Ia turut menyokong kemaskini serentak, pemantauan berpusat dan penghasilan laporan automatik, menjadikan pengurusan data PdP lebih efisien, telus dan profesional (Aryuzianti, 2020).

Pengisian dan Paparan muka Sistem e-RTR

Rajah 2 menunjukkan contoh paparan borang e-RTR dalam Google Sheets yang diisi oleh guru tasmik sebaik sahaja melaksanakan aktiviti tasmik.

REKOD TASMIK TAHUN 5 SIDIQ SESI AKADEMIK 2025/2026														BACAAN TERKINI				PENTAKSIRAN ISU DAN MASALAH MURID				PROGRAM
BIL	NAMA	NO. IC	KELAS	IQRA' / AL-QURAN	MUKA SURAT	BIL. BACAAN	TASMIK AKHIR	KATEGORI MURID	KEHADIRAN	TAHAP KESUNGGUHAN	BIMBINGAN LUAR SEKOLAH	TAHAP FOKUS	INTERVENSI & INTENSIF									
1	ADELIA HANI BINTI MOHD NORUL HASRI	141112020882	TS-5	KHIT 1	332	6	11/01/2025	BAIK	CERMERLANG	CERMERLANG	KELAS AL-QURAN	1 MS	NAQIS / NAQIBAH									
2	AIMANNUR AFEF IKHAIL BIN MIRZAN	140122020885	TS-5	AUT 27	541	6	22/04/2025	MENGULASAI	BAIK	BAIK	BUMAH	3 MS	BIMBINGAN KHATAM									
3	AMANDA SYAMINI BINTI MOHD FAZZLY	141214020882	TS-5	AUT 3	50	5	15/04/2025	BAIK	CERMERLANG	CERMERLANG	BUMAH	1 MS	BIMBINGAN KHATAM									
4	ARIANA SAFIRA HAYANI BINTI AHMAD YUSRI	140109020748	TS-5	KHAT 5	29	6	22/04/2025	SEDERHANA	BAIK	SEDERHANA	BUMAH	1/2 MS	PULIH IQRA'									
5	AZZAHRA HAFIZA BINTI MAHAR	140216020874	TS-5	KHIT 3	236	8	15/04/2025	TURBUL 3	CERMERLANG	CERMERLANG	BUMAH	5 MS	NAQIS / NAQIBAH									
6	BUNGA NUR ADRAA BINTI MOHAMMAD KHAIRUL	140926020174	TS-5	AUT 28	548	7	22/04/2025	MENGULASAI	CERMERLANG	BAIK	TIDAK	3 MS	BIMBINGAN KHATAM									
7	CAHAYA QASEH BINTI MOHD FAIZAL	140611020018	TS-5	AUT 7	322	7	15/04/2025	MENGULASAI	CERMERLANG	CERMERLANG	KELAS AL-QURAN	2 MS	BIMBINGAN KHATAM									
8	EZZ ZARA RAISHA BINTI MOHD ESKANDAR	140916060586	TS-5	KHIT 4	209	7	15/04/2025	TURBUL 2	CERMERLANG	CERMERLANG	KELAS AL-QURAN	5 MS	NAQIS / NAQIBAH									
9	HAISARAH NASUHA BINTI AZIZUL RUSMADI	141017020200	TS-5	KHIT 1	21	6	22/04/2025	MENGULASAI	BAIK	BAIK	TIDAK	2 MS	TAKSIR QURAN									
10	MUHAMMAD ADAM FIRASH BIN MOHD FAIZAL	140724020387	TS-5	KHIT 1	209	6	15/04/2025	MENGULASAI	BAIK	BAIK	KELAS AL-QURAN	1 MS	BIMBINGAN KHATAM									
11	MUHAMMAD AL-AMIN BIN MOHAMMAD FAZLI	141006020439	TS-5	KHIT 4	216	18	15/04/2025	TURBUL 1	CERMERLANG	CERMERLANG	BUMAH	3 MS	NAQIS / NAQIBAH									
12	MUHAMMAD AMMAR BIN AZUWAR AKMAR	140724020387	TS-5	AUT 4	69	6	15/04/2025	MENGULASAI	BAIK	BAIK	KELAS AL-QURAN	1 MS	PRA QURAN									
13	MUHAMMAD AQIL BIN ZAILAN SHAH	140516021035	TS-5	KHIT 3	73	7	15/04/2025	TURBUL 3	CERMERLANG	CERMERLANG	BUMAH	5 MS	NAQIS / NAQIBAH									
14	MUHAMMAD ARYAN SYAFI BIN SAZUREE	140511020471	TS-5	KHIT 1	209	6	15/04/2025	BAIK	CERMERLANG	CERMERLANG	KELAS AL-QURAN	3 MS	NAQIS / NAQIBAH									
15	MUHAMMAD FARAS DARWISH BIN MOHD FIRDAUS	140521021339	TS-5	KHIT 1	369	6	15/04/2025	BAIK	CERMERLANG	BAIK	BUMAH	3 MS	NAQIS / NAQIBAH									
16	MUHAMMAD HAFIZI HAKIMI BIN AHMAD HAFIZ	140405020013	TS-5	AUT 22	426	8	22/04/2025	MENGULASAI	CERMERLANG	CERMERLANG	BUMAH	5 MS	SPEED KHATAM									
17	MUHAMMAD NURUDIN BIN MOHD NAZRUL	140907020363	TS-5	AUT 24	475	8	22/04/2025	BAIK	CERMERLANG	BAIK	BUMAH	3 MS	SPEED KHATAM									
18	MUHAMMAD QAYYIM HAFIZAN BIN AMIR RIDZUAN	140318080671	TS-5	KHIT 1	124	8	22/04/2025	BAIK	CERMERLANG	BAIK	KELAS AL-QURAN	5 MS	NAQIS / NAQIBAH									
19	MUHAMMAD QAYYUM HAFIZ BIN AMIR RIDZUAN	140318080719	TS-5	AUT 1	13	8	22/04/2025	MENGULASAI	CERMERLANG	BAIK	KELAS AL-QURAN	2 MS	PRA QURAN									
20	MUHAMMAD QHALISH RAJFAL BIN AHMAD ISMAED	140926020203	TS-5	AUT 30	197	8	15/04/2025	MENGULASAI	CERMERLANG	BAIK	BUMAH	2 MS	BIMBINGAN KHATAM									

Rajah 2.: Borang Rekod e-RTR dalam Google Sheet.

Seterusnya, Rajah 3 menggambarkan contoh rekod bacaan tasmik secara *headcount* untuk analisis mengikut kelas, pencapaian murid dan lain-lain bagi tujuan pemantauan dan intervensi bersesuaian mengikut tahap penguasaan bacaan murid.

	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	W	X	Y	Z	AA	AB	AC	AD	
	PERINCIAN ANALISIS BACAAN MURID (IQRA' & AL-QURAN) SESI AKADEMIK 2025/2026																													
IQRA' / AL-QURAN	KELAS																								JUMLAH KESELURUHAN	PERATUS KESELURUHAN	JUMLAH MURID			
	TAHUN 1				TAHUN 2				TAHUN 3				TAHUN 4				TAHUN 5				TAHUN 6									
	1S	1F	1A	JML	2S	2F	2A	JML	3S	3F	3A	JML	4S	4F	4A	JML	5S	5F	5A	JML	6S	6F	6A	JML						
	28	27	22	77	28	28	22	78	29	29	18	76	27	28	19	74	26	25	19	70	27	28	14	69						
IQRA' 1	8	13	3	24	1	5	4	10	-	4	6	10	-	-	3	3	-	-	1	1	-	-	-	-	-	48	10.8%	36.71%	163	
IQRA' 2	10	4	-	14	2	6	1	9	1	10	4	15	-	-	5	5	-	-	7	7	-	-	3	3	53	11.9%				
IQRA' 3	1	1	-	2	6	10	1	17	6	5	2	13	1	10	5	16	-	2	1	3	-	2	2	4	55	12.4%				
IQRA' 4	1	-	-	1	5	3	-	8	5	5	-	10	3	1	1	5	1	4	6	11	2	4	1	7	42	9.5%	27.93%	124		
IQRA' 5	-	-	-	-	6	-	-	6	4	1	2	7	2	3	-	5	-	1	-	1	2	5	1	8	27	6.1%				
IQRA' 6	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-	-	-	-	2	1	3	2	-	1	3	1	2	-	3	10	2.3%				
JUZ 1	-	-	-	-	2	-	-	2	1	-	-	1	-	-	-	-	-	1	1	2	-	1	-	1	6	1.4%	6.53%	29		
JUZ 2	-	-	-	-	2	-	-	2	1	2	-	3	2	4	-	6	1	1	-	2	-	-	-	-	13	2.9%				
JUZ 3	-	-	-	-	-	-	-	-	3	1	-	4	1	2	-	3	2	-	-	2	-	2	1	3	12	2.7%				
JUZ 4	-	-	-	-	1	-	-	1	5	-	-	5	2	-	-	2	-	4	-	4	-	-	-	-	12	2.7%	6.31%	28		
JUZ 5	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	1	1	-	2	4	0.9%					
JUZ 6	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	1	1	1	3	1	1	-	2	-	-	-	-	6	1.4%				
JUZ 7	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	2	-	1	-	1	1	-	1	4	0.9%	2.70%	12			
JUZ 8	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	2	-	-	-	-	-	-	-	2	0.5%				
JUZ 9	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%	1.13%	5		
JUZ 10	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-	2	-	-	2	3	0.7%					
JUZ 11	-	-	-	-	1	-	-	1	-	1	-	1	1	-	-	1	-	1	-	1	1	-	1	5	1.1%					
JUZ 12	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%	1.13%	5		
JUZ 13	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%				
JUZ 14	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%				
JUZ 15	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-	2	-	-	2	3	0.7%					
JUZ 16	-	-	-	-	1	-	-	1	-	1	-	1	1	-	-	1	-	1	-	1	1	-	1	5	1.1%					
JUZ 17	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%	1.13%	5		
JUZ 18	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%				
JUZ 19	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	2	0.5%					
JUZ 20	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-	-	-	-	-	-	-	1	0.2%	0.90%	4			
JUZ 21	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	1	0.2%					
JUZ 22	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%				
JUZ 23	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	1	-	3	1	-	1	1	-	1	5	1.1%					
JUZ 24	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-	1	-	1	2	0.5%	2.03%	9		
JUZ 25	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	1	0.2%					
JUZ 26	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-	1	1	2	1	1	1	3	6	1.4%	2.03%	9		
JUZ 27	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1	-	1	-	1	2	0.5%				
JUZ 28	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	2	-	2	-	-	-	-	3	0.7%				
JUZ 29	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	-	1	-	1	-	-	-	2	0.5%	1.13%	5		
JUZ 30	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%				
KHATAM 1	-	-	-	-	1	-	-	1	1	-	-	1	2	-	1	3	10	5	-	15	6	4	2	12	32	7.2%				
KHATAM 2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3	2	-	5	5	1.1%				
KHATAM 3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-	1	3	-	3	4	0.9%					
KHATAM 4	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	2	-	-	2	1	-	1	3	0.7%					
KHATAM 5	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%				
KHATAM 6	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	0.0%				
JUMLAH YANG DIREKOD	28	27	22	77	28	28	22	78	29	29	18	76	27	28	19	74	26	25	19	70	27	28	14	69	444	100.0%	100%	444		
JUMLAH KESELURUHAN	77				78				76				74				70				69				444					

Rajah 3.: Analisis Bacaan Secara ‘Headcount’.

IMPAK INOVASI

Inovasi e-Rekod Tasmik Raudzati (e-RTR) memberi impak positif yang ketara dalam pengurusan dan pelaksanaan tasmik murid di sekolah rendah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4.: Peranan e-RTR Sebagai Nadi Peningkatan Bacaan Murid

Antara impak utama yang turut dikenal pasti seperti:

- i. Memudahkan guru merekod bacaan murid secara *real-time* dan sistematik. Maklumat penting seperti tahap bacaan, kehadiran, dan isu pembelajaran direkod dalam satu platform digital yang tersusun.
- ii. Meningkatkan kecekapan pelaksanaan intervensi terhadap murid yang memerlukan bimbingan tambahan dapat dikenal pasti dengan lebih cepat melalui paparan data yang dianalisis secara automatik. Ini memudahkan guru merancang dan melaksanakan program intervensi yang lebih berfokus.
- iii. Mengurangkan risiko kehilangan dan kerosakan berbanding rekod manual kerana sistem digital berasaskan awan seperti e-RTR sentiasa tersimpan dan boleh dicapai bila-bila masa.
- iv. Meningkatkan kolaborasi dalam kalangan guru tasmik dengan mengakses data yang sama serentak, tanpa perlu menunggu atau berkongsi fail fizikal. Ini memudahkan pemantauan bersama serta memupuk kerjasama antara guru dan pentadbir dalam membuat keputusan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Antara cadangan penambahbaikan sistem e-RTR ini adalah:

- i. Membangunkan aplikasi mudah alih khusus untuk e-RTR boleh meningkatkan pengalaman pengguna dengan antara muka yang lebih mesra, fungsi lebih pantas, serta integrasi notifikasi;
- ii. Menambah fungsi automatik untuk menjana laporan pencapaian murid dalam bentuk PDF yang boleh dicetak terus untuk tujuan dokumentasi, pemantauan, atau pembentangan kepada ibu bapa; dan

- iii. Menambah modul khas untuk membolehkan ibu bapa membuat semakan perkembangan bacaan anak-anak mereka bagi melibatkan waris dalam proses pembelajaran serta mendorong murid untuk lebih berdisiplin.

RUMUSAN

Inovasi sistem e-RTR telah berjaya memberikan impak yang signifikan dalam pengurusan dan pelaksanaan aktiviti tasmik al-Quran di sekolah rendah. Sistem ini memudahkan perekodan bacaan murid secara digital, meningkatkan kecekapan dalam mengenal pasti murid yang memerlukan intervensi, serta memudahkan pelaporan dan pemantauan data secara sistematik. Dengan penggunaan teknologi yang relevan dan mudah diakses, e-RTR menyelesaikan isu perekodan manual dan memberi ruang untuk pelaksanaan program intervensi yang lebih fokus dan berkesan.

RUJUKAN

- Aryuziyanti Mohamad (2020). Pembangunan Aplikasi Penilaian Projek Akhir Pelajar Menggunakan 'Google Sheet' Dan 'Glide Apps'. *International Conference on Multidisciplinary Approaches in Social Sciences, Islamic and Technology 2020 (ICMASIT 2020)*, 13-14 Disember 2020.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran: Pendidikan Islam. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Edisi ke 2. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM, Putrajaya.
- Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Azmil Hashim, & Kamarulzaman Abd. Ghani (2015). Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Program J-Qaf. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1), 1-13.
- Navarasan, D., & Sundararajan, E. A. (2024, February 8). Penyimpanan Data Sulit dalam Persekitaran Berbilang Awan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(1), 1-24.
- Norliza Hussin, Fahimah Ali Hassan, & Khadijah Abdul Razak (2013). Isu dan Cabaran Terhadap Pelaksanaan Program j-QAF di Sekolah. Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013, UKM, 285-294.
- Shahrulanuar Mohamed, Mohd Zulfadzli Abd Wahab, Nooraini Sulaiman, & Mariam Abd. Majid (2021). Model Baru Pengajaran Al-Quran Menggunakan Kaedah Iqra'. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(II), 28-42.